

Malaysia, Itali meterai kerjasama pertanian

UM - 27/6/2007

ROM 26 Jun - Malaysia dan Itali hari ini menandatangani perjanjian kerjasama yang khusus untuk meningkatkan industri pertanian, penternakan, perikanan, penyelidikan, agro dan pemprosesan makanan di kedua-dua buah negara.

Melalui kerjasama tersebut, sebuah jawatankuasa bersama pertanian Malaysia-Itali akan diwujudkan untuk mengatur, memantau dan melaksanakan segala projek serta aktiviti yang dirancang.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertanian dan Dasar Perhutanan Itali, Paolo De Castro di Hotel Westin Excelsior di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang dalam

rangka lawatan rasmi di sini turut menghadiri majlis tersebut.

Kedua-dua negara sebelum ini telah menjalinkan kerjasama pertanian secara tidak formal dan perjanjian hari ini akan memastikan industri pertanian di Malaysia bertambah baik dengan bantuan teknologibaru yang dimiliki oleh Itali.

Menurut Muhyiddin, Itali adalah sebuah negara yang berjaya dalam bidang pertanian dan kerjasama ini akan membolehkan kedua-dua negara bekerja rapat untuk memajukan lagi industri pertanian.

Katanya, pada Mac 2005 beliau telah mengadakan lawatan kerja ke Itali bagi meninjau perkembangan industri pertanian di negara ini dan perjanjian kerjasama yang

ditandatangani hari ini akan membolehkan usaha meningkatkan industri pertanian dilipatgandakan.

Melalui kerjasama tersebut, tambahnya, jawatankuasa bersama yang ditubuhkan secara bergilir-gilir menjadi tuan rumah kepada mesyuarat yang akan diadakan setiap tahun.

Nilai dagangan dalam bidang pertanian Malaysia-Itali meningkat dari setahun ke setahun dan pada tahun lalu ia mencapai jumlah RM666.9 juta berbanding RM568.5 pada tahun 2005.

Nilai dagangan ini berpihak kepada Malaysia yang mengeksport kelapa sawit, getah, hasil perhutanan, ikan dan minyak bijirin ke Itali.

- Utusan